



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Industri Utama
(Ministry of Primary Industries)

Ruj. Tuan / Your Ref :

Ruj. Kami / Our Ref :

(12)04/C/PD/656/4 Jil. 5

31 Disember 2019

Pk (EF) MPOB 03/2019

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit
Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Pelumat Isirung Sawit

Tuan/ Puan,

PENGUATKUASAAN PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (SES) 2019 KE ATAS PEMEGANG LESEN KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF) DAN KILANG PELUMAT ISIRUNG SAWIT (CF)

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 35 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582), YB Menteri Industri Utama setelah berunding dengan Menteri Kewangan membuat suatu perintah bernama **Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019 [P.U.(A) 361/2019]** yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2020.
3. Sila ambil perhatian bahawa dengan berkuatkuasanya Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019 tersebut, maka Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2000 [P.U.(A) 154/2000] dan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 [P.U.(A) 115/2001] dibatalkan.
4. Kadar ses minyak sawit mentah yang perlu dibayar di bawah Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019 mulai 1 Januari 2020 oleh seseorang yang mengeluarkan minyak sawit mentah adalah sebanyak **RM14.00 (Ringgit Malaysia : Empat Belas Sahaja)** atas tiap-tiap tan metrik atau sebahagian daripada suatu tan metrik minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya. Pembayaran ses hendaklah dibuat kepada Lembaga tidak lewat daripada hari terakhir setiap bulan dalam satu tahun kalendar atas minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya dalam bulan sebelumnya. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Penguatkuasaan (Penguatkuasa) MPOB 03/2019 [Pk (EF) MPOB 03/2019]** yang memperincikan peruntukan Perintah tersebut.




5. Sila ambil maklum bahawa ses yang kena dibayar di bawah Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2000 dan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 berkenaan minyak sawit mentah yang dikeluarkan di dalam suku tahun dalam satu tahun kalendar dan setiap bulan dalam satu tahun kalendar sebelum permulaan kuat kuasa Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019 hendaklah dibayar kepada Lembaga tidak lewat daripada 31 Januari 2020.

6. Pihak Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menggalakkan tuan membuat bayaran SEGERA ses yang kena dibayar untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah, MPOB

- s.k
- i. Pengerusi MPOB
 - ii. Setiausaha Bahagian Kanan,
Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) MPI
 - iii. Setiausaha Eksekutif MPOA
 - iv. Setiausaha Eksekutif POMA
 - v. Setiausaha Eksekutif PORAM
 - vi. Setiausaha Eksekutif MEOMA
 - vii. Setiausaha Eksekutif EMPA
 - viii. Setiausaha Eksekutif NASH
 - ix. Setiausaha Eksekutif MEOA
 - x. Setiausaha Eksekutif SOPPOA
 - xi. Setiausaha Eksekutif ISP
 - xii. Setiausaha Eksekutif MOPDA

- b.c.
 - i. Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)
 - ii. Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan
 - iii. Pengarah Pengurusan Kewangan dan Pembangunan
 - vi. Pengarah Ekonomi dan Pembangunan Industri
 - v. Semua Ketua Wilayah



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)
MPOB**

Rujukan Pekeliling : Pk(EF)MPOB 03/2019
Tarikh Kuatkuasa : 1 Januari 2020
Perkara : **PENGUATKUASAAN PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (SES) 2019 KE ATAS PEMEGANG LESEN KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF) DAN KILANG PELUMAT ISIRUNG SAWIT (CF)**

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019 ke atas pengeluar minyak sawit mentah iaitu pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Kilang Pelumat Isirung Sawit (CF).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2000 [*P.U. (A) 154/2000*] telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 1 Mei 2000. Ses di bawah Perintah ini dikenakan ke atas pengeluar minyak sawit mentah iaitu kategori MF dan CF. Kadar ses minyak sawit mentah yang perlu dibayar di bawah Perintah ini oleh seseorang yang mengeluarkan minyak sawit mentah adalah sebanyak RM11.00 (Ringgit Malaysia: Sebelas Sahaja) atas tiap-tiap tan metrik atau sebahagian daripada suatu tan metrik minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya. Pembayaran ses kepada Lembaga adalah tidak lewat daripada hari kedua puluh lapan setiap suku tahun dalam sesuatu tahun takwim atas minyak sawit mentah yang dikeluarkan dalam suku tahun yang sebelumnya.
- 2.2 Manakala bagi Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 [*P.U. (A) 115/2001*], Perintah ini telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 1 Mei 2001. Ses di bawah Perintah ini juga dikenakan ke atas pengeluar minyak sawit mentah iaitu kategori MF dan CF. Walau apa pun, kadar ses minyak sawit mentah yang perlu dibayar di bawah Perintah ini oleh seseorang yang mengeluarkan minyak sawit mentah adalah sebanyak RM2.00 (Ringgit Malaysia: Dua Sahaja) atas tiap-tiap tan metrik atau sebahagian daripada suatu tan metrik minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya. Pembayaran ses kepada Lembaga adalah tidak lewat daripada hari terakhir setiap bulan dalam sesuatu tahun takwim atas minyak sawit mentah yang dikeluarkan dalam bulan yang sebelumnya.

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)
MPOB**

- 2.3 Walau bagaimana pun, setelah kajian dibuat dan pandangan industri kelapa sawit dalam pengenaan ses ini diambil kira, suatu pendekatan telah diambil dengan merangkumkan kedua-dua Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2000 dan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 untuk menjadikan satu Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) sahaja. Pendekatan ini dibuat berdasarkan pengenaan ses bagi kedua-dua Perintah adalah atas jenis keluaran kelapa sawit yang sama dan orang atau golongan orang yang dikenakan ses adalah sama. Asas kedua-dua Perintah adalah sama dan adalah lebih wajar ianya dirangkumkan menjadi satu Perintah sahaja.
- 2.4 Dalam masa yang sama, Kerajaan telah memutuskan supaya kadar ses minyak sawit mentah dinaikkan kepada RM14.00 (Ringgit Malaysia: Empat Belas Sahaja) iaitu kenaikan sebanyak RM1.00 (Ringgit Malaysia: Satu Sahaja) daripada jumlah pengenaan ses sedia ada sebanyak RM13.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Belas Sahaja).
- 2.5 Susulan daripada itu, sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 35 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582), YB Menteri Industri Utama setelah berunding dengan Menteri Kewangan membuat suatu perintah bernama **Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019 [P.U. (A) 361/2019]**.

3.0 PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (SES) 2019

3.1 Kuat kuasa

- Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019 telah diwartakan pada 24 Disember 2019 dan mula berkuat kuasa pada **1 Januari 2020**. Bersama ini dilampirkan salinan Perintah tersebut, rujuk **Lampiran 1**.

3.2 Pihak terlibat

- Ses di bawah Perintah ini dikenakan ke atas pengeluar minyak sawit mentah iaitu pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Kilang Pelumat Isirung Sawit (CF).

3.3 Minyak sawit mentah

- Minyak sawit mentah telah ditafsirkan sebagai minyak sawit dalam bentuk mentah yang berasal atau yang diekstrak daripada perikarpa buah kelapa sawit, dan termasuklah minyak sawit dalam bentuk mentah yang berasal atau yang diekstrak daripada isirung buah kelapa sawit.

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)
MPOB**

3.4 Kadar ses

- Perenggan 3 Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019 [P.U. (A) 361/2019] memperuntukkan kadar ses minyak sawit mentah yang perlu dibayar mulai **1 Januari 2020** oleh seseorang yang mengeluarkan minyak sawit mentah adalah sebanyak **RM14.00 (Ringgit Malaysia: Empat Belas Sahaja)** atas tiap-tiap tan metrik atau sebahagian daripada suatu tan metrik minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya.

3.5 Pembayaran

- Pembayaran ses hendaklah dibuat kepada Lembaga tidak lewat daripada hari terakhir setiap bulan dalam satu tahun kalendar atas minyak sawit mentah yang dikeluarkan oleh Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Kilang Pelumat Isirung Sawit (CF) dalam bulan sebelumnya. Ini bermakna, bayaran ses untuk pengeluaran minyak sawit mentah bulan Januari 2020 pada kadar RM14.00 (Ringgit Malaysia: Empat Belas Sahaja) atas tiap-tiap tan metrik atau sebahagian daripada suatu tan metrik minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya hendaklah dibayar kepada Lembaga pada atau sebelum 29 Februari 2020.

4.0 PEMBATALAN DAN PEMBAYARAN SES YANG DIKENAKAN DI BAWAH PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (SES) 2000 DAN PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (SES) 2001

- 4.1 Dengan berkuatkuasanya **Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019** tersebut, maka Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2000 [P.U. (A) 154/2000] dan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 [P.U. (A) 115/2001] dibatalkan.
- 4.2 Walau apa pun, ses yang kena dibayar di bawah Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2000 dan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 berkenaan minyak sawit mentah yang dikeluarkan di dalam suku tahun dalam satu tahun kalendar dan setiap bulan dalam satu tahun kalendar sebelum permulaan kuat kuasa **Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019** hendaklah dibayar kepada Lembaga tidak lewat daripada 31 Januari 2020, rujuk perenggan 9 Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019.

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)
MPOB**

5.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatkuasaan (Penguatkuasa) MPOB 03/2019 [Pk (EF) MPOB 03/2019] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Kilang Pelumat Isirung Sawit (CF).

6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2020**.

7.0 PENGESAHAN & KELULUSAN


DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah
MPOB

Tarikh: *31 DISEMBER 2019*

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



24 Disember 2019
24 December 2019
P.U. (A) 361

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

***FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE***

**PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
(SES) 2019**

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (CESS) ORDER 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998

PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (SES) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582], Menteri, setelah berunding dengan Menteri Kewangan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, "minyak sawit mentah" ertinya minyak sawit dalam bentuk mentah yang berasal atau yang diekstrak daripada perikarpa buah kelapa sawit, dan termasuklah minyak sawit dalam bentuk mentah yang berasal atau yang diekstrak daripada isirong buah kelapa sawit.

Pengenaan ses

3. Seseorang yang mengeluarkan minyak sawit mentah hendaklah membayar kepada Lembaga ses sebanyak empat belas ringgit bagi tiap-tiap tan metrik atau sebahagian daripada suatu tan metrik minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya.

Pembayaran ses

4. Ses yang kena dibayar di bawah perenggan 3 hendaklah dibayar kepada Lembaga tidak lewat daripada hari terakhir setiap bulan dalam satu tahun kalendar atas minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya dalam bulan yang sebelumnya.

Pengemukakan penyata

5. (1) Seseorang yang mengeluarkan minyak sawit mentah hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu penyata yang benar dan tepat tentang jumlah minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya dalam bulan yang sebelumnya dalam

apa-apa borang yang ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah memastikan bahawa penyata itu diterima oleh Lembaga tidak lewat daripada hari ketujuh setiap bulan.

(2) Seseorang yang gagal untuk mematuhi subperenggan (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Ses bukanlah duti kastam

6. Ses yang kena dibayar di bawah perenggan 3 tidak boleh, bagi maksud pemungutannya dan bagi penguatkuasaan pemungutannya, disifatkan sebagai suatu duti kastam di bawah Akta Kastam 1967 [Akta 235].

Penetapan pegawai kewangan

7. Bagi maksud subseksyen 35(7) Akta, "pegawai kewangan" ertinya Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai Lembaga yang kepadanya fungsi Lembaga diwakilkan.

Pembatalan

8. Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2000 [P.U. (A) 154/2000] dan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 [P.U. (A) 115/2001] (kemudian daripada ini disebut "Perintah-Perintah yang dibatalkan") dibatalkan.

Peralihan

9. (1) Ses yang kena dibayar di bawah Perintah-Perintah yang dibatalkan berkenaan dengan minyak sawit mentah yang dikeluarkan dalam suku tahun dalam satu tahun kalendar dan setiap bulan dalam satu tahun kalendar sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah dibayar kepada Lembaga tidak lewat daripada 31 Januari 2020.

(2) Penyata yang dikehendaki dikemukakan di bawah Perintah-Perintah yang dibatalkan berkenaan dengan minyak sawit mentah yang dikeluarkan dalam bulan sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah dikemukakan kepada Lembaga tidak lewat daripada 7 Januari 2020.

Dibuat 20 Disember 2019
[MPI 19(05)68/2; PN(PU2)606/VI]

TERESA KOK SUH SIM
Menteri Industri Utama

MALAYSIAN PALM OIL BOARD ACT 1998

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (CESS) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by subsection 35(1) of the Malaysian Palm Oil Board Act 1998 [Act 582], the Minister, after consultation with the Minister of Finance, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysian Palm Oil Board (Cess) Order 2019**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2020.

Interpretation

2. In this Order, "crude palm oil" means palm oil in crude form originating or extracted from the pericarp of the oil palm fruit, and includes palm oil in crude form originating or extracted from the kernel of the oil palm fruit.

Imposition of cess

3. A person who produces crude palm oil shall pay to the Board a cess of fourteen ringgit for every metric ton or part of a metric ton of crude palm oil produced by him.

Payment of cess

4. The cess payable under paragraph 3 shall be paid to the Board not later than the last day of each month of a calendar year on crude palm oil produced by him during the preceding month.

Submission of return

5. (1) A person who produces crude palm oil shall submit to the Board a true and accurate return of the amount of crude palm oil produced by him in the preceding month in such form as may be determined by the Board and shall ensure that such return is received by the Board not later than the seventh day of each month.

(2) A person who fails to comply with subparagraph (1), shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Cess not to be custom duty

6. The cess payable under paragraph 3 shall not, for the purposes of its collection and for the enforcement of its collection, be deemed to be a customs duty under the Customs Act 1967 [Act 235].

Designation of finance officer

7. For the purpose of subsection 35(7) of the Act, "finance officer" means the Director General or any officer of the Board to whom the function of the Board is delegated.

Revocation

8. The Malaysian Palm Oil Board (Cess) Order 2000 [P.U. (A) 154/2000] and the Malaysian Palm Oil Board (Cess) Order 2001 [P.U. (A) 115/2001] (hereinafter referred to as the "revoked Orders") are revoked.

Transitional

9. (1) The cess payable under the revoked Orders in respect of the crude palm oil produced in the quarter of the calendar year and each month of a calendar year preceding the commencement of this Order shall be paid to the Board not later than 31 January 2020.

(2) The returns required to be submitted under the revoked Orders in respect of the crude palm oil produced in the month preceding the commencement of this Order shall be submitted to the Board not later than 7 January 2020.

PU. (A) 361

Made 20 December 2019
[MPI 19(05)68/2; PN(PU2)606/VI]

TERESA KOK SUH SIM
Minister of Primary Industries